

Bertindak wujudkan dunia lebih baik – Abdullah

Daripada OTHMAN MOHAMAD

HAVANA 15 Sept. – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi berkata, semua negara mesti bertindak ke arah mewujudkan dunia yang lebih baik untuk masyarakat termasuk generasi akan datang di sebalik keamanan dan keselamatan sejagat yang semakin terhakis.

Perdana Menteri menegaskan hanya jika waja keamanan, agenda pembangunan dapat dilaksanakan secara teratur dan berkesan dan dapat memberi faedah kepada semua.

Kata beliau, tumpuan ke arah itu menjadi lebih penting memandangkan kecenderungan berterusan sesetengah negara untuk mewujudkan unilateralisme.

“Undang-undang antarabangsa diketepikan. Malah sesetengah negara tidak lagi berpegang kepada komitmen asal dalam mewujudkan hubungan baik dengan negara-negara lain,” katanya ketika berucap pada Sidang Kemuncak Kumpulan 15 (G-15) di sini hari ini.

Sidang Kemuncak G-15 kali ini diadakan sempena Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) setelah Algeria, negara pengerusi semasa G-15 sudah lama tidak memanggil mesyuarat.

Namun mesyuarat G-15 sempena sidang kemuncak NAM bukanlah sesuatu yang asing kerana penubuhan G-15 sebenarnya adalah hasil inisiatif NAM sendiri 17 tahun lepas.

Abdullah seterusnya berkata: “Kita terus menyaksikan penolakan terhadap usaha mengubah struktur ekonomi dan kewangan antarabangsa. Usaha negara-negara sedang membangun untuk memajukan agenda pembangunan masing-masing turut terhalang.

“Akibatnya, peranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) menjadi lemah. Rundingan mengenai perdagangan dunia gagal mencapai kemajuan. Sistem kewangan antarabangsa pula kekal tidak stabil. Semuanya itu menyumbang kepada pengagihan kekayaan dunia. Dagangan dunia secara tidak saksama berterusan.”

Katanya, dalam proses itu ketidakadilan terhadap negara membangun meningkat sehingga Lebanon diceroboh dan penduduk secara tidak sah wilayah Palestin berterusan tanpa penyelesaian konkrit.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berharap masalah terbabit ditangani segera bagi mewujudkan dunia yang lebih memberi keadilan dan aman.

“Kita perlu bergandingan untuk memastikan proses menyusun semula PBB membawa kepada pengukuhan proses multilateral. Proses pendemokrasian yang lebih terbuka perlu diwujudkan,” katanya sambil menambah usaha perlu ditumpukan bagi memberi kuasa yang lebih besar kepada Perhimpunan Agung PBB daripada mengukuhkan Majlis Keselamatan badan dunia itu.

Dalam konteks G-15, Abdullah berkata,

UM-16/9/2006

Undang-undang antarabangsa diketepikan. Malah sesetengah negara tidak lagi berpegang kepada komitmen asal dalam mewujudkan hubungan baik dengan negara-negara lain

ABDULLAH AHMAD BADAWI
Perdana Menteri

banyak cara bagi 18 negara anggota G-15 dapat bekerjasama dan dua aspek yang perlu diberi penekanan ialah memperkukuh dagangan dan pelaburan sesama anggota serta membina keupayaan.

“G-15 berupaya memainkan peranan jika benar-benar bersatu berhubung sesuatu perkara,” katanya sambil menekankan memperkasakan hubungan dagang dan pelaburan adalah antara matlamat asal penubuhan pergerakan itu yang kini dianggotai 18 negara.

Negara-negara anggota G-15 ialah Malaysia, Algeria, Argentina, Brazil, Chile, Mesir, Indonesia, India, Iran, Jamaica, Kenya, Mexico, Nigeria, Peru, Senegal, Sri Lanka, Venezuela dan Zimbabwe.

Kata Abdullah, Malaysia berkeyakinan penuh dua aspek itu boleh dilaksanakan oleh setiap negara anggota memandangkan perangkaan menunjukkan perdagangan dan pelaburan asing langsung sesama dan di kalangan negara anggota meningkat setiap tahun.

Bagi pembinaan keupayaan sesebuah

negara, kata Abdullah, konsep rakan kongsi dapat diwujudkan untuk mengukuhkan prasarana asas dan institusi-institusi kerajaan khususnya menerusi perkongsian pengalaman.

Turut berucap pada sidang kemuncak G-15 ini yang dipengerusikan oleh Presiden Algeria, Abdelaziz Bouteflika, ialah Pemangku Presiden Cuba, Raul Castro Ruz. Cuba hadir atas kapasiti negara tuan rumah kerana ia bukan anggota kumpulan tersebut.

Raul berkata, negara-negara Selatan tiada pilihan selain bersatu mengatasi pelbagai halangan yang dihadapi bersama.

“G-15 perlu menjadi pemangkin dalam memperkukuhkan kerjasama Selatan-Selatan,” katanya.

Turut menjadi tumpuan pada pertemuan G-15 ini ialah Presiden Venezuela, Hugo Chavez yang juga memberikan ucapannya.

Sidang kemuncak sehari itu kemudian memerakikan Iran sebagai pengerusi baru G-15. Esok pula akan bermula sidang kemuncak NAM selama dua hari.

– Utusan